

15 FEB 2003

Mahathir-OIC (Bergambar)/I

MALAYSIA CARI JALAN LAIN ADAKAN MESYUARAT OIC DI KL

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia, walaupun kecewa dengan keputusan Qatar yang menolak sidang tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur akan mencari jalan lain untuk menganjurkan sidang penting itu.

"Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telahpun menghubungi Qatar dan Qatar tidak setuju untuk mengadakan sidang tergempar OIC di sini. Tetapi kita akan cuba cari jalan lain...", kata beliau kepada pemberita selepas bertemu dengan 11 warga Palestin di kediaman rasminya di Sri Perdana di sini, hari ini.

Menurut beliau, Presiden Iran Mohammad Khatami mencadangkan sidang tergempar itu diadakan selepas sahaja sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung dari 20-25 Feb ini untuk membincangkan nasib Iraq yang boleh diserang oleh Amerika Syarikat pada bila-bila masa.

Ditanya perasaan Malaysia terhadap tindakan Qatar itu, Dr Mahathir berkata: "Memang kita sangat kecewa, kerana inilah kesempatan terbaik untuk kita bertemu dan berbincang secara tidak rasmi memandangkan banyak daripada ketua kerajaan negara-negara OIC yang juga merupakan anggota NAM akan berada di sini semasa sidang kemuncak NAM itu.

Qatar merupakan pengerusi semasa OIC.

Mengenai isu Iraq, Dr Mahathir berkata laporan yang dibentangkan oleh para pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak menyatakan Iraq memiliki senjata kemusnahan sejagat.

"Apa yang mereka katakan dalam laporan ialah Iraq tidak mahu bekerjasama, bagaimana Iraq boleh bekerjasama lagi saya tidak tahu kerana ia telah menunjukkan segala-galanya kepada Amerika tetapi negara kuasa besar itu masih berpendapat Iraq menyembunyikan sesuatu.

"Jika Amerika tahu apa yang disembunyikan itu mereka harus ke situ," kata beliau merujuk kepada tapak-tapak yang dipercayai menjadi tempat simpanan senjata pemusnah sejagat.

-- BERNAMA

SR RV PR